

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah
[Lenggong]**

TARIKH : 7 Oktober 2014 (Selasa)

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tahap pencapaian Program Tranformasi Kerajaan, ekonomi dan politik sehingga kini. Apakah manfaat yang diperoleh rakyat sehingga kini.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Agenda Transformasi Nasional bertujuan untuk meningkatkan gerakan usaha bersepadu bagi menjadikan malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dengan mengekal dan meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat berteraskan empat program utama iaitu Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Politik. Pelaksanaan Agenda Transformasi Nasional ini diperkuuhkan dengan 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), 12 Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) dan 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI).

Pada 12 Mei 2014, YAB Perdana Menteri telah merasmikan Laporan Tahunan 2013 di Angkasapuri bagi GTP dan ETP yang memberi perincian pencapaian setiap kementerian. Laporan Tahunan ini sebagaimana laporan tahunan terdahulu telah memaparkan kisah kejayaan serta cabaran pelbagai kementerian dalam melaksanakan program transformasi untuk menyampaikan hasil yang signifikan. Laporan ini juga menyertakan petikan pengalaman yang dikongsi oleh penjawat awam individu. Sektor awam dan juga sektor swasta telah menerima pujian sebagai penyumbang utama kepada perjalanan transformasi negara.

Sukacita saya mengumumkan berdasarkan pengesahan pencapaian oleh para pakar termasuk pihak berkecuali, GTP berjaya mencapai kejayaan 104 peratus daripada sasaran keseluruhan kita pada tahun 2013. Antara pencapaian initiatif GTP adalah seperti berikut:

1. Pada tahun 2013, NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat telah berjaya memberikan manfaat kepada lebih 4.8 juta isi rumah Malaysia yang berpendapatan rendah. Ini dibuat melalui pemberian tambahan melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0 yang melibatkan peruntukan berjumlah 2.91 bilion ringgit. Kerajaan juga telah memperluaskan skop penerima kepada individu bujang berumur lebih 21 tahun, sekaligus memberikan manfaat kepada hampir 2 juta individu lagi. Lanjutan Baucar Buku 1Malaysia telah diperluaskan kepada 1.2 juta pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Mereka menerima baucar buku bernilai 250 ringgit setiap seorang. Manakala, 5.2 juta orang murid sekolah rendah dan menengah pula menerima bantuan tunai sebanyak 100 ringgit setiap seorang.
2. NKRA Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah. Mengimbas tawarikh negara, semasa mencapai

- kemerdekaan, kadar kemiskinan adalah pada tahap lebih 60 peratus. Hampir 6 dekad kemudian, kadar kemiskinan telah menyusut kepada 1.7 peratus pada tahun 2012. Manakala kemiskinan tegar kini hampir disifarkan kesemuanya. Program 1AZAM merupakan prakarsa khusus, yang berusaha untuk membawa isi rumah berpendapatan rendah keluar daripada paras kemiskinan menerusi beberapa kaedah termasuk pekerjaan, keusahawanan, aktiviti pertanian dan perkhidmatan. Setakat ini, lebih 168,000 individu telah berjaya meningkatkan tahap pendapatan mereka menerusi program 1AZAM.
3. Saban tahun kita menyaksikan peningkatan kemasukan murid ke prasekolah. Pada tahun 2013 sahaja, enrolmen prasekolah telah meningkat kepada 82 peratus bagi kohort umur 4 hingga 6 tahun, berbanding dengan hanya sebanyak 67 peratus pada tahun 2009.

Program Transformasi Ekonomi, ataupun ETP pula menggabungkan dua komponen, iaitu 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA yang memfokuskan pertumbuhan ekonomi dan keduanya adalah 6 Inisiatif Pembaharuan Strategik atau SRI yang merangkumi dasar dan prosedur yang dilaksanakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik. Gabungan NKEA dan SRI ini, disasar untuk melonjakkan Pendapatan Negara Kasar Per Kapita atau PNK kepada 15,000 dolar, mencipta 3.3 juta peluang pekerjaan baharu dan menarik pelaburan berjumlah 444 bilion dolar menjelang tahun 2020.

Daya tahan ekonomi Malaysia telah dipacu oleh pelaburan sektor swasta yang kini mencecah 61 peratus daripada jumlah pelaburan. Momentum yang berterusan dalam pelaburan sektor swasta telah mewujudkan peluang pekerjaan melalui pertumbuhan PNK per kapita pada 2013, yang telah meningkat kepada 10,060 dolar daripada 7,059 dolar pada tahun 2009.

Antara pencapaian ETP yang membanggakan termasuk:

1. Kejayaan InvestKL yang berjaya menarik 15 Syarikat Multinasional dari Amerika Utara, Eropah dan Asia untuk menujuhkan pejabat serantau di sini.
2. NKEA Minyak, Gas dan Tenaga yang bermulakan operasi Terminal Penggasan Semula Cecair Gas Asli atau Liquefied Natural Gas LNGPETRONAS di Sungai Udang, Melaka untuk memelihara keselamatan jangka panjang bekalan gas domestik.
3. Di bawah SRI Pembangunan Modal Insan, Perintah Gaji Minimum 2012 dan Akta Umur Persaraan Minimum 2012 telah dikuatkuasakan pada Januari 2013. Menerusi SRI ini juga, Program MyProCert telah dilaksanakan bagi meningkatkan kemahiran dalam tenaga kerja sedia ada. Program ini menawarkan sehingga 33 set kemahiran ICT termasuklah dalam bidang perangkaian, keselamatan dan pengurusan projek.

Jelasnya, Agenda Transformasi Nasional telah bergerak dalam satu sinergi untuk mendaya dan mengubah Malaysia menjadi negara dengan status berpendapatan tinggi. Kita boleh berasa bangga di persada dunia kerana buat dua tahun berturut-turut, negara kita telah menduduki tempat 10 teratas dalam Indeks Easeof Doing Business oleh Bank Dunia, seterusnya kedudukan ke-6 untuk 2014 dan ke-8 pada tahun 2013. Menurut statistik terkini Global Innovation Index pula, Keupayaan Inovasi Malaysia telah melonjak 7 peratus dari tahun 2011 ke 2013 yang meletakkan kita pada kedudukan 32 daripada 142 negara. Namun begitu, saya berharap janganlah kita mudah berasa selesa dengan angka-angka yang telah disebutkan itu, tetapi seharusnya ia diambil sebagai cabaran untuk terus dipertingkatkan.

Dasar Transformasi Nasional berobjektif untuk memastikan bahawa di akhirnya nanti, pertumbuhan negara dicapai dengan cara yang seimbang, inklusif dan mampan bukan sahaja menjelang 2020 bahkan lebih jauh daripada itu.

Sekian, terima kasih.